

24/05/2003

Ong, Chan terajui MCA (HL)

Kadir Dikoh; Wan Hazmir Bakar; Magendran Rajagopal; Teh Kean Kiat  
KUALA LUMPUR: Datuk Seri Ong Ka Ting dilantik sebagai Presiden MCA yang baru, manakala Datuk Chan Kong Choy sebagai Timbalan, setelah Jawatankuasa

Pusat (CC) parti itu gagal memujuk Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan Datuk

Seri Lim Ah Lek supaya menarik balik peletakan jawatan masing-masing.

Pelantikan itu dibuat mengikut Artikel 23 Perlembagaan MCA, yang memberi

kuasa CC melakukan pengundian bagi melantik di kalangan empat Naib Presiden apabila berlaku kekosongan sesuatu jawatan tertinggi parti.

Seramai 36 daripada 41 ahli CC yang menghadiri mesyuarat malam tadi, sebulat suara memilih Ong dan Chan.

Pelantikan itu berkuat kuasa serta merta sehingga pemilihan parti 2005,

manakala jawatan Naib Presiden yang dikosongkan Ong, 47, dan Chan, 48, akan diputuskan pada mesyuarat CC akan datang.

Dr Ling dan Lim tidak hadir pada mesyuarat itu setelah kedua-duanya menyatakan secara rasmi untuk melepaskan jawatan masing-masing, tengah hari semalam.

Tiga anggota CC yang dikatakan penyokong kuat Lim dalam Team B, iaitu Naib Presiden, Datuk Chua Jui Meng; Ketua Pemuda Datuk Ong Tee Keat dan Datuk Wong Mook Leong, juga tidak hadir.

Ong pula dilihat sebagai anak didik Dr Ling, yang sebelum ini mengetuai

Team A manakala Chan pula anak didik Lim.

Seorang lagi Naib Presiden MCA, Datuk Dr Fong Chan Onn yang mempengerusikan mesyuarat kira-kira setengah jam malam tadi, berkata CC menerima peletakan jawatan Dr Ling dan Lim setelah usaha memujuk kedua-dua pemimpin itu gagal.

Ini adalah kali pertama presiden dan timbalan presiden meletak jawatan serentak dalam sejarah 53 tahun parti kedua terbesar dalam Barisan Nasional (BN) itu.

Pada sidang media Bilik Mesyuarat Wisma MCA yang penuh sesak dengan wartawan pada jam 8.30 malam tadi, Dr Fong berkata jawatankuasa itu merakamkan penghargaan terhadap kedua-dua pemimpin atas sumbangan besar mereka kepada parti dan negara.

Seorang anggota CC, Datuk Chor Chee Heung, pula berkata Dr Ling masih kekal sebagai Menteri Pengangkutan dan Ahli Parlimen Labis.

Dr Ling dan Lim secara rasmi menyatakan hasrat meletak jawatan masing-masing pada mesyuarat CC, tengah hari semalam yang dilihat sebagai tindakan terakhir dan terbaik bagi meleraikan perbalahan dua puak dalam MCA.

Bagaimanapun, CC yang bermesyuarat selama 45 minit setelah Dr Ling dan Lim meninggalkan bilik mesyuarat itu, menolak peletakan jawatan kedua-dua pemimpin berkenaan.

CC turut menugaskan dua delegasi untuk memujuk Dr Ling dan Lim supaya

menarik balik surat peletakan jawatan itu.

Dr Fong yang turut mempengerusikan mesyuarat tengah hari itu berkata, delegasi yang menemui Dr Ling diketuai beliau sendiri bersama dua anggota

CC lain, Datuk Dr Chua Soi Lek dan Tan Sri William Chek.

Anggota CC, Datuk Fu Ah Kiow bersama Datuk Tang See Hang dan Datuk Dr Yeow Chai Thiam pula menemui Lim. Kedua-dua delegasi itu bagaimanapun gagal memujuk Dr Ling dan Lim yang berkeras mahu melepaskan jawatan masing-masing.

Sebelum ini pada April 2002, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengemukakan pelan damai bagi menamatkan krisis itu, yang antara lain mengekalkan status quo di semua peringkat sehingga 2005.

Bagaimanapun, parti itu bergolak semula apabila Lim digugurkan sebagai pengerusi Lembaga Disiplin MCA Ogos lalu.

Sementara itu, Dr Ling dalam surat peletakan jawatannya, berkata keputusan beliau bertujuan merintis jalan ke arah proses peralihan kepemimpinan secara licin dan mengikut perlembagaan MCA.

Dalam surat peletakan jawatan yang dihantar kepada Setiausaha Agung MCA

Datuk Seri Dr Ting Chew Peh, beliau berkata keputusannya tidak diiringi dengan perasaan berat hati tetapi dengan penuh rasa lega kerana beliau tahu parti itu akan berada dalam tangan mereka yang berkemampuan dan diharapkan.

"Saya amat yakin dengan sikap dan kemampuan pengganti saya," kata Dr Ling dalam surat berkenaan.

Dr Ling dijangka mengadakan sidang media di ibu pejabat MCA pada pukul 11 pagi ini bagi menjelaskan keputusannya serta kedudukan beliau dalam Kabinet.

Lim pada sidang media berasingan menegaskan keputusannya dibuat atas kerelaan sendiri tanpa teragak-agak demi kepentingan parti dan BN.

"Keputusan saya untuk meletak jawatan adalah muktamad. Saya akan terus membantu BN pada pilihan raya umum akan datang," katanya.

Lim juga secara terbuka berkata, Team A dan B masih wujud dalam CC MCA,

tetapi beliau berharap parti itu akan bersatu semula selepas peletakan jawatannya dan Dr Ling.

Lim yang menyatakan beliau kini hanya ahli seumur hidup MCA, yakin parti

itu akan belajar daripada pengalaman dan sejarah parti.